

Ruj. Kami : UTM.J.02.05/10.24/1/14 (19)  
Tarikh : September 2024

Encik Mohd Faizal bin Abd Latib  
Ketua Kumpulan X-Tech  
Jabatan Pendaftar

Saudara,

**TAWARAN MENYERTAI FESTIVAL INOVASI UTM  
PADA 2 HINGGA 3 OKTOBER 2024**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa panel telah membuat penilaian bagi **Sistem Rondaan Keselamatan Berasaskan Internet of Things (IoT) GuardExpert Pro (GEP)** dari Kumpulan **X-TECH**. Sukacita dimaklumkan bahawa projek dari kumpulan saudara telah disenaraikan pendek untuk menyertai Festival Inovasi UTM bagi Kategori **Advance Fidelity** yang akan diadakan sebagaimana berikut:

Tarikh Festival : **2 hingga 3 Oktober 2024 (Rabu - Khamis)**  
Masa : **8:30 pagi hingga 5:00 petang**  
Lokasi : **Dewan Tanjung Puteri 302, Level 3, PERSADA Johor**  
Aturcara Majlis : **Sila rujuk Lampiran 1**

3. Sehubungan dengan itu, kumpulan adalah dijemput untuk membuat pembentangan projek semasa Festival Inovasi UTM dengan **menyediakan 1 poster projek bersaiz A0** (pengisian poster sebagaimana di Lampiran 2) beserta prototaip (sekiranya ada) pada tarikh yang dinyatakan di atas.

4. Untuk makluman saudara, setiap kumpulan yang bertanding akan diberikan elaun makan sebanyak RM15/sehari (terhad kepada 2 orang ahli sahaja). Selain daripada itu, bagi tujuan pembentangan projek, setiap kumpulan akan diberikan 1 *booth* beserta kelengkapan berikut:

- a) *Partition Panel* – 1 unit
- b) *2' x 4' Meja* beserta *skirting* – 1 unit
- c) *Kerusi lipat* – 2 unit
- d) *Long Arm Spotlight* – 1 unit
- e) *Power Point Supply* – 1 unit

5. Sebarang pertanyaan, saudara boleh menghubungi urusetia Festival Inovasi iaitu En. Mohd Sufian bin Nooalazam di talian 016-7654696 atau Cik Maszila binti Mohd Razali (012-7202718).

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HJH. NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

Jabatan Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Johor Bahru

☎ : 07-5532318

✉ : norazizah@utm.my

**ATURCARA  
FESTIVAL INOVASI UTM 2024  
PERSADA JOHOR INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE  
2 HINGGA 3 OKTOBER 2024**

**Hari Pertama | 1 Oktober 2024 (Selasa)**

<b>Masa</b>	<b>Aturcara</b>
12.00 t/hari	: Persiapan booth peserta Festival Inovasi UTM
5.00 petang	: Bersurai

**Hari Kedua | 2 Oktober 2024 (Rabu)**

<b>Masa</b>	<b>Aturcara</b>
8.15 pagi	: Pendaftaran
9.00 pagi	: <ul style="list-style-type: none"> <li>Majlis Perasmian UTM Global Connect 2024 <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketibaan Tetamu</li> <li>- Ketibaan Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim Timbalan Naib Canselor (Akademik &amp; Antarabangsa), UTM</li> <li>- Ketibaan Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Azlinda binti Azman Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi</li> <li>- Nyanyian Lagu Negaraku</li> <li>- Bacaan Doa</li> <li>- Ucapan Alu-aluan oleh Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim Timbalan Naib Canselor (Akademik &amp; Antarabangsa), UTM</li> <li>- Ucapan Perasmian oleh Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Azlinda binti Azman Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi</li> <li>- Montaj Perasmian</li> <li>- Pelancaran Buku Management of Internationalization for University Leaders</li> <li>- Soft Launching for Japan Science and Technology (JST) Satellite Office</li> </ul> </li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyampaian Cenderamata Ucaptama oleh Yang Berbahagia Prof. Emerita Datuk Dr. Asma binti Ismail, Ahli Lembaga Pengarah UTM</li> <li>- Sesi bergambar</li> </ul>
10.30 pagi	: Lawatan VIP ke booth pameran
11.00 pagi	: Sesi penjurian projek inovasi <i>*Setiap kumpulan diberikan masa 9 minit untuk membentangkan projek kepada panel juri</i>
2.30 petang	: Pembentangan projek inovasi kepada tetamu/pelawat
5.00 petang	: Bersurai

### Hari Ketiga | 3 Oktober 2024 (Khamis)

Masa	Aturcara
9.00 pagi	: Pembentangan projek inovasi kepada tetamu/pelawat
2.30 petang	: Sesi pengumuman & penyampaian hadiah Festival Inovasi UTM
3.45 petang	: Majlis Penutup UTM Global Connect 2024 <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketibaan tetamu</li> <li>- Ketibaan Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik &amp; Antarabangsa)</li> <li>- Ucapan Prof. Madya Dr Mohd Ariffin bin Abu Hassan, Pengarah UTM International</li> <li>- Penyampaian hadiah Anugerah Terbaik (NALI &amp; INATEX &amp; WTUC)</li> <li>- Ucapan penutup</li> </ul>
4.45 petang	: Program tamat

**Nota:** *Sekarangnya seorang ahli kumpulan perlu sentiasa berada di booth pameran masing-masing bagi melayani dan memberikan penerangan kepada pelawat yang hadir ke Festival Inovasi UTM*

**KEPERLUAN POSTER  
FESTIVAL INOVASI UTM 2024  
PERSADA JOHOR INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE  
2 HINGGA 3 OKTOBER 2024**

**SPESIFIKASI POSTER**

**Saiz:** A0 (Lebar: 841 mm x Tinggi: 1189 mm)

**Arah Orientasi:** Portrait

**Bahasa:** Bahasa Malaysia

**MAKLUMAT PROJEK YANG PERLU DIBENTANGKAN**

- *Sila rujuk gambar rajah disertakan*
- *Template poster boleh dimuat turun di <https://bit.ly/posterfi2024>*

1. Ahli kumpulan
2. Ringkasan Projek
3. Inovasi
4. Pernyataan Masalah
5. Ketulenan
6. Teknologi
7. Aplikasi
8. Kesan
9. Kebolehpasaran
10. Perancangan Pengkomersilan

**MAKLUMAT YANG PERLU DIELAKKAN**

1. Menggunakan saiz font yang kecil
2. Menggunakan warna latar belakang yang sama dengan tajuk dan kandungan
3. Gambar produk / inovasi yang beresolusi rendah